

08/05/1997

Afrika Selatan hargai jasa PM

Haniff Hadi in Cape Town

CAPE TOWN, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dianugerahkan bintang The Order Of Good Hope Class 1: Grand Cross (Gold) sebagai memperaku dan menghargai sumbangan beliau terhadap usaha memaju dan mewujudkan hubungan di antara Afrika Selatan dan Malaysia.

Presiden Nelson Mandela menyampaikan anugerah tertinggi Afrika Selatan itu di kediaman rasminya Genanenda di sini.

Bintang The Order Of Good Hope Class 1: Grand Cross (Gold) diberikan kepada tokoh luar negara yang menerusi usaha peribadi mereka, menyumbang kepada kesejahteraan rakyat Afrika Selatan.

Antara penerima bintang yang mula diberikan pada 1994 itu, termasuklah Ratu Elizabeth II, Maharaja Akihito, Presiden Kim Young-sam, Francois Mitterand dan Raja Carl Gustav dari Sweden.

Dalam ucap jasa pada majlis ringkas itu, Perdana Menteri disifatkan sebagai tokoh yang tidak jemu menyokong perjuangan rakyat Afrika Selatan untuk mendapatkan demokrasi.

Beliau juga adalah pemimpin pertama yang secara peribadi mengucapkan tahniah kepada Mandela apabila pemimpin itu dilantik sebagai Presiden Afrika Selatan pada 1994.

Sejak itu, Dr Mahathir sentiasa berusaha merapatkan hubungan persahabatan di antara rakyat kedua-dua negara.

Perdana Menteri juga adalah pemangkin hubungan dagang Afrika Selatan dan Malaysia dan berasaskan komitmen beliau, Malaysia adalah pelabur keempat terbesar di Afrika Selatan dalam tempoh tiga tahun.

Dr Mahathir juga dilihat sebagai sumber inspirasi kepada negara membangun menerusi kepemimpinan ulungnya dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali dan forum antarabangsa yang lain.

Sementara itu, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada Mandela dan rakyat Afrika Selatan yang memberikan anugerah itu dan berharap dapat terus berusaha untuk mencapai harapan yang tinggi itu.

Anugerah berkenaan diterima dua hari selepas Dr Mahathir diberi penghormatan sebagai pemimpin tunggal bukan Afrika memberi ucapan mengenai perkongsian bestari pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika yang pertama kali diadakan dan dihadiri 12 pemimpin Afrika di Kasane, Botswana.

The Order Of Good Hope Class 1: Grand Cross (Gold) juga adalah anugerah antarabangsa keempat diterima Dr Mahathir sejak Disember lalu.

(END)